BAHAGIAN PEMBANGUNAN KESIHATAN KELUARGA
JABATAN KESIHATAN AWAM *(PUBLIC HEALTH DEPARTMENT)*
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
(MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA)
Aras 7 & 8, BLOK E10, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya.

No. Tel : 03-8883 3888
No. Fax : 03-8888 6150
E-mail : bpkk@moh.gov.my

Ruj. Kami : KKM.600-30/12/30 Jld.2 (44)
Tarikh : 27 Mac 2020

SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato' Indera/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

EDARAN PANDUAN PENCEGAHAN DAN KAWALAN INFEKSI COVID-19 UNTUK ANGGOTA KESIHATAN SEMASA PERAWATAN DI RUMAH

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat edaran Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, rujukan KKM.600-30/12/30 Jld.2 (43) bertarikh 20 Mac 2020, adalah berkaitan.

2. Sebagaimana sedia maklum, Kementerian Kesihatan Malaysia masih meneruskan perawatan di rumah bagi Perkhidmatan Kesihatan Ibu dan Anak, Perkhidmatan Perawatan Domisiliari dan Perubatan Paliatif. Bagi memastikan langkah-langkah kawalan dalam mencegah penularan wabak Covid 19, Bahagian ini telah mengeluarkan Panduan Pencegahan dan Kawalan Infeksi Covid-19 Untuk Anggota Kesihatan Semasa Perawatan Di Rumah.

3. Bersama-sama ini dikemukakan Panduan Pencegahan dan Kawalan Infeksi Covid-19 Untuk Anggota Kesihatan Semasa Perawatan Di Rumah. Dimohon kerjasama YBhg. Datuk/Dato' Indera/Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk mengedarkan panduan ini ke semua fasiliti kesihatan di bawah tanggungjawab masing-masing. Panduan ini juga boleh diakses melalui laman rasmi Bahagian ini, **http://fh.moh.gov.my**

4. Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/Dato' Indera/Dato'/Datin/Tuan/Puan berhubung perkara ini amat kami hargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DR. FARIDAH BINTI ABU BAKAR) MMC 27575
Pengarah
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k:

1. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
   Kementerian Kesihatan Malaysia

2. Pengarah
   Bahagian Kawalan Penyakit, KKM

SENARAI EDARAN

1. Pengarah Kesihatan Negeri
   Jabatan Kesihatan Negeri Perlis

2. Pengarah Kesihatan Negeri
   Jabatan Kesihatan Negeri Kedah

3. Pengarah Kesihatan Negeri
   Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

4. Pengarah Kesihatan Negeri
   Jabatan Kesihatan Negeri Perak

5. Pengarah Kesihatan Negeri
   Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

6. Pengarah Kesihatan Negeri
   Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan

7. Pengarah Kesihatan Negeri
   Jabatan Kesihatan Negeri Melaka

8. Pengarah Kesihatan Negeri
   Jabatan Kesihatan Negeri Johor

9. Pengarah Kesihatan Negeri
   Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

10. Pengarah Kesihatan Negeri
    Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

11. Pengarah Kesihatan Negeri
    Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu

12. Pengarah Kesihatan Negeri
    Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

13. Pengarah Kesihatan Negeri
    Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

14. Pengarah Kesihatan Negeri
    Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya

15. Pengarah Kesihatan Negeri
    Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan

PANDUAN PENCEGAHAN DAN KAWALAN INFEKSI COVID-19 UNTUK ANGGOTA KESIHATAN SEMASA PERAWATAN DI RUMAH

(Tatacara ini adalah tambahan kepada prosedur perawatan di rumah sedia ada seperti lawatan antenatal, postnatal, domisiliari, paliatif)

1. Anggota kesihatan yang mempunyai **SALAH SATU** gejala jangkitan pernafasan akut (sesak nafas, batuk **ATAU** sakit tekak) **DENGAN / TANPA** demam, tidak dibenarkan untuk membuat lawatan ke rumah.

2. Lakukan perancangan jadual lawatan ke rumah dengan;

    - Kenalpasti kes
        - Klien yang stabil / berisiko rendah, pemantauan boleh dibuat menggunakan teknologi komunikasi bersesuaian
        - Bagi klien yang tidak stabil / berisiko tinggi;
            - Semak status COVID-19 klien dan keluarga di CPRC daerah
            - Hubungi klien/ penjaga untuk menilai risiko jangkitan COVID-19 termasuk sejarah kontak **(Rujuk Lampiran 1 – BORANG PENILAIAN RISIKO JANGKITAN COVID-19**)
            - Sekiranya klien dan keluarga mempunyai risiko jangkitan COVID-19, tangguhkan lawatan ke rumah dan hubungi PKD untuk tindakan lanjut
        - Dalam situasi di mana lawatan dan perawatan di rumah **PERLU** dilakukan bagi kes mempunyai risiko jangkitan COVID-19;
            - Maklum dan bincang dengan Pegawai Kesihatan Daerah / Pakar Perubatan Keluarga / Ketua Klinik / Penyelia Jururawat Daerah akan tindakan selanjutnya

    - Sediakan kelengkapan lawatan
        - Beg lawatan / peralatan yang lengkap
            - penggunaan peralatan pakai buang adalah digalakkan
        - *Hand sanitizer, alcohol swab 70%*
        - PPE iaitu *surgical mask*
        - Set PPE lengkap untuk kes PUI (Rujuk *Guidelines COVID-19 Management In Malaysia* edisi terkini) untuk kes-kes kecemasan

3. Semasa melaksanakan lawatan;
    - Sentiasa memakai *surgical mask*
    - Mewujudkan *rapport* tanpa bersalaman
    - Mengamalkan *social distancing*
    - Menilai semula risiko jangkitan COVID-19

- Memastikan pengudaraan yang baik di rumah klien
- Meminimakan masa pemeriksaan dan lawatan
- Mengamalkan 5 Situasi Amalan Kebersihan Tangan (*5 Moments of Hand Hygiene)*
  - Sebelum menyentuh pesakit (*Before touching a patient*)
  - Sebelum melakukan prosedur aseptik (*Before clean / aseptic procedure*)
  - Selepas risiko terdedah kepada cecair badan pesakit (*After body fluid exposure*)
  - Selepas menyentuh pesakit (*After touching a patient*)
  - Selepas menyentuh persekitaran pesakit (*After touching a patient surroundings*)
- Membersihkan semua peralatan yang telah digunakan dengan menggunakan *alcohol swab* (70%)
- Mengendalikan sisa klinikal mengikut amalan *standard precaution*
- Menyimpan semua peralatan yang telah dibersihkan ke dalam beg lawatan selepas selesai rawatan

4. Selepas lawatan;
   - Cuci tangan menggunakan air dan sabun sebaik sampai di klinik
   - Lupuskan sisa klinikal mengikut tatacara *standard precaution*
   - Lakukan dekontaminasi beg lawatan dan peralatan

Lampiran 1

BORANG PENILAIAN RISIKO JANGKITAN COVID-19

Nama :
No. Kad Pengenalan :
Alamat / No. telefon :

No.	Kriteria	Ya	Tidak
1.	Gejala pernafasan akut		
	• Batuk		
	• Sesak nafas		
	• Sakit tekak		
2.	Demam		
3.	Sejarah perjalanan ke luar negara / menetap di luar negara (dalam masa 14 hari sebelum timbul gejala)		
4.	Menghadiri majlis / perjumpaan yang mempunyai kaitan dengan wabak COVID-19		
5.	Kontak rapat (dalam masa 14 hari sebelum timbul gejala)		
	• Kontak dengan anggota kesihatan yang terdedah kepada risiko COVID-19		
	• Berkongsi ruang kerja / ruang belajar bersama pesakit COVID-19		
	• Berkongsi kenderaan bersama pesakit COVID-19		
	• Tinggal bersama pesakit COVID-19		

**Sekiranya klien memenuhi kriteria definisi kes Patient Under Investigation (PUI) COVID-19, sila tangguhkan lawatan ke rumah dan maklumkan kepada Penyelia Jururawat untuk tindakan selanjutnya.*

**Definisi kes PUI COVID-19 :*

- *Acute respiratory infection (sudden onset of respiratory infection with at least one of: shortness of breath, cough or sore throat) with or without Fever*
  AND
- *Travelled to / resided in foreign country within 14 days before the onset of illness*
  OR
- *Close contact in 14 days before illness onset with a confirmed case of COVID-19*
  OR
- *Attended an event associated with known COVID-19 outbreak*

**Sumber rujukan : Guideline COVID-19 Management in Malaysia No.05/2020 (EDISI KELIMA)*